

## **BAB DUA : TINJAUAN LITERATUR**

### **2.0 Pendahuluan**

Bab ini membincangkan sorotan kajian yang berkaitan dengan permasalahan kajian melalui bahan-bahan penulisan dan elektronik yang telah dijalankan. Ia membincangkan tentang pendekatan pengajaran kosa kata yang dijalankan oleh guru dan pendekatan pembelajaran kosa kata yang digunakan oleh pelajar. Bab ini juga akan meneliti pendekatan teori berkaitan masalah kajian yang dibahaskan oleh sarjana pendidikan dan bahasa Arab dan juga pelaksanaan teori tersebut. Pada akhir perbincangan bab ini memfokuskan pengajaran dan pembelajaran kosa kata Arab yang terdapat dalam bahan sorotan yang dikaji.

### **2.1 Sejarah Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia**

Bahasa Arab telah masuk ke Alam Melayu melalui pedagang Arab. Mereka tiba di alam Melayu dalam pelayaran ke Cina. Dalam pelayaran itu, mereka singgah untuk mengambil bekalan dan menunggu angin musim untuk terus belayar (Badruddin Hayyi al-Ši:niy, 1950:8). Semasa berada di Tanah Melayu, mereka berkomunikasi dengan masyarakat tempatan dengan menggunakan bahasa Arab dan beransur-ansur mempelajari bahasa masyarakat tempatan. Pada peringkat permulaan, bahasa Arab berkembang dalam hubungan dua hala antara pedagang Arab dengan masyarakat tempatan sebagai bahasa perhubungan atau komunikasi.

Selepas kedatangan Islam, bahasa Arab berkembang dengan lebih aktif sebagai bahasa kepada agama Islam. Ia merupakan bahasa untuk memahami Islam dan menunaikan ibadah. Kemudian berkembang di pusat pengajian ilmu Islam seperti pondok dan madrasah. Dalam arus perkembangan kehidupan moden hari ini, bahasa Arab berkembang

sebagai bahasa komunikasi. Ia turut diperkenalkan di sekolah-sekolah rendah, menengah dan juga di peringkat universiti sebagai bahasa pilihan. Terdapat juga jabatan khusus yang menawarkan program bahasa Arab di peringkat universiti (Rosni bin Samah (a), 2009:9).

### **2.1.1 Sejarah Awal**

Sejarah awal pengajaran bahasa Arab di Malaysia boleh dirujuk kepada sejarah kedatangan Islam ke Malaysia, iaitu pada kurun awal Hijrah atau ketujuh Masihi (Ahmad Jelani Halimi, 1996). Ini kerana Islam diperkenalkan melalui dua kalimah syahadah yang perlu ditutur dalam bahasa Arab. Perkembangan pengajarannya berkembang selari dengan perkembangan Islam khususnya dalam pengajaran ilmu-ilmu Islam. Bahasa Arab merupakan bahasa rasmi agama Islam yang perlu dipelajari oleh semua penganutnya supaya mereka dapat memahami segala pengajarannya dan menunaikan segala ibadahnya seperti sembahyang dan zikir. Bagi mengukuhkan lagi kenyataan ini, penyampaian wahyu di dalam Islam adalah menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantarnya manakala Nabi Muhammad yang diamanah menyampaikan wahyu tersebut adalah berbangsa Arab dan bahasa ibundanya juga merupakan bahasa Arab.

Islam yang tiba di Tanah Melayu juga berasaskan kepada bahasa Arab. Ini kerana mubaligh-mubaligh Islam di peringkat awal kedatangan Islam terdiri daripada golongan pedagang Arab. Ajaran agama yang dibawa adalah berbahasa Arab khususnya dalam upacara pelaksanaan ibadah. Ini ditambah lagi dengan kalimah dua syahadah itu sendiri ditutur dalam bahasa Arab. Bagi mereka yang hendak memeluk Islam sudah tentu perlu melafazkan dua kalimah tersebut dalam bahasa Arab.

Bertolak dari sini, bahasa Arab mula mengorak langkahnya dalam siri-siri perkembangan pengajaran ilmu-ilmu Islam. Hal ini dapat dilihat dengan jelas ketika seorang muslim hendak menunaikan ibadah, bahasa yang digunakan adalah bahasa Arab, khususnya dalam sembahyang, doa, wirid dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa bahasa Arab mula diajar bagi mempelajari Islam. Tujuan utama pengajarannya adalah untuk memahami Islam dan menunaikan ibadah. Masyarakat mula menyebut perkataan Arab untuk menunaikan ibadah walaupun mereka tidak memahaminya. Begitu juga mereka mula menyebut wirid-wirid yang digunakan dalam kehidupan seharian. Pengajaran bahasa Arab pada ketika itu bukanlah untuk perbualan dan kemahiran tetapi sebaliknya untuk melaksanakan ajaran Islam.

Pengajaran bahasa Arab dapat dilihat dalam pengajaran al-Qur'a:n dari sudut sebutan huruf, perkataan, ayat dan tajwid. Masyarakat diajar cara sebutan yang tepat dengan membetulkan makhraj sebutan huruf. Seterusnya mereka belajar menyebut perkataan dengan betul. Akhirnya mereka belajar membaca ayat-ayat al-Qur'a:n dengan betul. Pengajaran ini banyak membantu dalam menguasai bahasa Arab dan memahami ayat-ayat yang dibaca.

Seterusnya pengajaran bahasa Arab mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Malaysia bagi memahami ilmu-ilmu Islam khususnya bagi memahami kitab-kitab Islam muktabar yang ditulis dalam bahasa Arab. Mereka mula belajar mengetahui makna bagi setiap perkataan. Seterusnya belajar memahami susunan ayat yang terdapat dalam kitab tersebut. Akhirnya mereka dapat memahami kandungan kitab tersebut walaupun mereka tidak mampu berkomunikasi dalam bahasa Arab.

### **2.1.2 Pengajaran Bahasa Arab Secara Rasmi**

Pada zaman perkembangan Islam di alam Melayu sekitar kurun ke-14 dan seterusnya, pengajaran bahasa Arab berkembang mengikut perkembangan pendidikan Islam di istana-istana (Ismail Hamid, 1991:147). Pengajaran bahasa Arab secara rasmi jelas dapat dilihat dalam masyarakat Melayu khususnya semasa kemunculan pusat-pusat pengajian Islam yang berbentuk pondok pada abad ke-18 M ('Abdullah Jusuh, 1989). Kemunculan pusat-pusat ini sejak awal menekankan pelajar-pelajarnya untuk mendalami bahasa Arab sebagai prasyarat bagi mempelajari ilmu-ilmu Islam. Kebanyakan buku rujukan berbahasa Arab dan mendorong kepada penguasaan bahasa tersebut dengan lebih baik. Pada peringkat permulaan, pengajaran bahasa Arab lebih tertumpu kepada penguasaan susunan ayat yang terdiri daripada nahu dan şaraf. Pelajar mampu menganalisis ayat bahasa Arab dengan baik walaupun mereka tidak pernah pergi ke negara Arab (Rosni bin Samah (a), 2009:3).

Hasil daripada pembelajaran bahasa Arab di pusat-pusat pengajian Islam yang berbentuk pondok inilah, lahir ramai tokoh Islam yang mampu memahami kitab-kitab Islam yang tinggi dan menyambung pengajian mereka di negara-negara Arab khususnya di Mekah dan Madinah. Hasil daripada pencapaian pengajaran tersebut, lahirlah tokoh-tokoh tuan guru yang hebat dan mampu mengasaskan institusi pengajian Islam mereka sendiri. Perkembangan ini menyebabkan kemunculan pusat-pusat pengajian Islam yang berbentuk pondok dengan pesat. Boleh dikatakan hampir kesemua negeri-negeri di Semenanjung Malaysia mempunyai struktur pengajian berbentuk pondok. Antara negeri yang terbanyak memiliki pusat pengajian tersebut ialah Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perak Utara.

Pusat-pusat pengajian pondok ini banyak memberi sumbangan dalam perkembangan pengajaran bahasa Arab. Masyarakat tempatan pula berpeluang menikmati pendidikan di pusat-pusat tersebut yang bukan sahaja merupakan pusat pengajian Islam, bahkan merupakan pusat perkembangan bahasa Arab. Banyak perkataan Arab yang digunakan dalam bahasa Melayu ketika itu yang muncul daripada sistem pengajian pondok

### **2.1.3 Perkembangan Dalam Sistem Madrasah**

Pada awal kurun ke-20, muncul pula pusat-pusat pengajian Islam yang bercorak madrasah atau persekolahan yang memberi sumbangan dan menyemarakkan lagi perkembangan pembelajaran bahasa Arab. Bentuk persekolahan ini berkembang seiring dengan sistem pendidikan pondok. Perbezaannya boleh dilihat dari aspek sukanan dan masa belajar serta umur pelajarnya sahaja.

Sistem persekolahan ini berkembang pesat dengan peralihan sistem-sistem pondok ke sistem sekolah bagi menyahut cabaran dan keperluan semasa. Tokoh pengasasnya ramai yang terpengaruh dengan gagasan reformasi yang dibawa oleh tokoh-tokoh di negara Arab seperti Syeikh Muḥammad ‘Abduh. Antara tokoh yang mengasaskan sistem madrasah ini ialah Tuan Ḥaji Ṣalleḥ Maṣri yang mengasas Madrasah Al-Masriyyah, Seberang Prai (‘Abdullah Jusuf, 1989:18), Syed Syeikh Al-Hadi pengasas Madrasah Al-Iqbal pada tahun 1907 di Singapura (Talib Samad, 1992:23) dan Haji Wan Sulaiman Wan Sidek pengasas Madrasah Ḥamidiah, Alor Setar (Majalah Ilham, 2003:5). Perkembangan pusat-pusat pengajian yang berbentuk sekolah ini mendapat sambutan yang baik dalam kalangan masyarakat setempat, khususnya kepada mereka yang tidak berpeluang untuk belajar di sekolah-sekolah di bawah kuasa penjajah.

Pertumbuhan sekolah atau madrasah ini mengorak langkah perkembangan bahasa Arab dengan pesat selepas kemerdekaan. Ini berikutan dengan sukanan yang ditawarkan boleh memenuhi tuntutan semasa. Menjelang akhir abad ke-20 boleh dikatakan kesemua pusat pengajian pondok menerima perubahan kepada sistem madrasah. Hanya segelintir kecil yang masih mengamalkan tradisi pondok. Akhirnya pondok menjadi tempat-tempat penempatan pelajar-pelajar yang tidak mampu mengikuti sistem persekolahan atau mereka yang kurang baik pencapaian pelajarannya atau warga emas untuk lebih beribadah kepada Allah.

Selepas merdeka, sekolah-sekolah agama diwajibkan mendaftar di bawah Majlis Agama negeri masing-masing. Badan tersebut turut memberi sumbangan dan juga sokongan yang perlu bagi mempertingkatkan mutu pengajaran. Sekolah-sekolah tersebut menerima pakai sukanan yang ditetapkan oleh Majlis Agama masing-masing, di samping menerima bantuan kewangan daripada kerajaan yang disalurkan melalui badan tersebut. Sekolah tersebut juga menggunakan pakai sukanan yang ditawarkan di sekolah-sekolah menengah kebangsaan supaya pelajarnya dapat menduduki peperiksaan SRP dan SPM.

Pengajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah tersebut begitu menyerlah dengan kepelbagaiannya mata pelajaran yang diajar berbanding dengan mata pelajaran yang ada di pusat-pusat pengajian pondok. Turut diajar dalam sistem persekolahan ini mata pelajaran kemahiran berbahasa dan kesusasteraan Arab. Di samping itu juga, buku-buku teks yang digunakan ditulis dalam bahasa Arab yang berbentuk moden dan diimport terus daripada negara Arab.

Subjek-subjek yang diajar boleh dibahagikan kepada empat bahagian besar. Pertama, bahagian tatabahasa yang terdiri daripada subjek nahu dan şaraf. Kedua, bahagian

sastera yang terdiri daripada subjek sejarah sastera, teks sastera, rima puisi dan balaghah. Ketiga, bahagian pengetahuan dan budaya Islam seperti subjek sejarah Islam dan Pengajian Islam. Keempat, bahagian kemahiran bahasa yang terdiri daripada kemahiran mendengar, menulis, membaca dan bertutur. Antara subjeknya ialah *Insya'*, *Muṭa:la‘ah*, *Ta‘bi:r Syafawi*, *Ta‘bi:r Tahriri dan Imla'* (*Wiza:rat al-Tarbiyat al-Ma:li:ziyyat*, 1999).

Perkembangan sistem persekolahan ini bertambah baik dengan pengiktirafan Universiti Al-Azhar terhadap sukanan pelajarannya dan juga Sijil Thanawi yang dikeluarkannya. Antara sekolah yang terawal menerima pengiktirafan Universiti Al-Azhar ialah Ma‘had Muḥammadi, Kelantan pada tahun 1960, Madrasah Aḥmadiyyah, Kelantan pada tahun 1964, Madrasah Sultan Abu Bakar, Pahang pada tahun 1964 dan Maktab Maḥmud, Alor Setar pada tahun yang sama ('Abdul Razaq Wan Ahmad, t.t:306).

Bagi pemegang sijil sekolah-sekolah yang mendapat pengiktirafan tersebut, mereka boleh melanjutkan pelajaran di universiti tersebut dalam Fakulti Pengajian Islam dan Bahasa Arab. Dengan adanya pelajar-pelajar yang menyambung pelajaran di Mesir menunjukkan bahawa sekolah-sekolah tersebut berjaya memainkan peranannya yang besar dalam pengajaran bahasa Arab di Malaysia.

Perkembangan pengajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah tersebut menjadi mantap dengan kembalinya mahasiswa dan mahasiswi dari universiti-universiti di negara Arab seperti Mesir dan Saudi. Mereka membawa pendekatan pendidikan yang agak berbeza berbanding dengan guru-guru mereka yang hanya menerima pengajaran dalam sistem pondok.

Dari sudut pencapaian bahasa pula, mereka berkemampuan dalam menguasai bahasa pertuturan semasa. Dengan pencapaian yang mereka miliki, penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah dapat ditingkatkan dan mereka mampu menimbulkan minat dalam kalangan pelajar untuk terus mempelajari bahasa Arab.

Dari sudut sukanan pelajaran, kesemua sekolah Arab pada waktu itu menggunakan pakai sukanan pelajaran sekolah menengah Universiti Al-Azhar, termasuklah buku-buku teksnya dibawa masuk dari Mesir. Hasilnya setiap negeri mempunyai Sijil Empat Thanawi sendiri yang diiktiraf oleh Universiti Al-Azhar.

Bagi memantapkan lagi pembelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah tersebut, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengadakan rundingan dengan pihak Universiti Al-Azhar bagi mewujudkan satu sijil sahaja yang diiktiraf oleh pihak universiti tersebut. Segala sukanan dan urusan pembelajaran ditetapkan oleh pihak kementerian termasuklah peperiksaan. Akhirnya pihak Universiti Al-Azhar bersetuju dengan cadangan tersebut. Satu sijil sahaja di peringkat thanawi yang diiktiraf oleh pihak Universiti Al-Azhar telah diwujudkan. Sijil tersebut dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran dan segala urusan pembelajaran dan peperiksaan dikawal selia oleh pihak kementerian. Sijil tersebut diberi nama Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Sijil tersebut juga diterima oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi memasuki pusat pengajian tinggi dalam negara. Dengan adanya perhatian dari pihak kementerian ini pengajaran bahasa Arab bertambah maju. Peluang pengajian dan pekerjaan kepada pelajar-pelajar aliran Arab mula terbuka luas.

## **2.1.4 Perkembangan Dalam Sistem Sekolah Menengah Kebangsaan**

Perkembangan pengajaran bahasa Arab mengorak langkah lagi dengan perhatian yang diberikan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Ini jelas dapat dilihat dalam penubuhan dan perkembangan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) yang bermula pada tahun 1977. Sekolah-sekolah ini memberi ruang kepada pengajaran bahasa Arab dengan lebih menarik. Sukatan pembelajarannya digubal dan disusun semula mengikut keperluan semasa.

Kurikulum Bahasa Arab bagi sekolah-sekolah tersebut mula digubal secara rasminya mulai 1 Januari tahun 1977 dengan pengambilan 11 buah sekolah menengah agama negeri dan rakyat sebagai percubaan. Bahasa Arab di sekolah-sekolah tersebut lebih menjurus kepada kemahiran berbahasa atau kemahiran berkomunikasi. Walaupun hanya satu subjek Bahasa Arab yang ditawarkan tetapi ia merangkumi beberapa komponan kemahiran bahasa di samping ilmu tatabahasa seperti nahu, şarf dan bala:ghah (Wiza:rat al-Tarbiyat al-Ma:li:ziyyat 2003:7).

Bagi mempertingkatkan lagi pengalaman guru-guru bahasa Arab, Kementerian Pelajaran mengadakan latihan khusus kepada guru-guru bahasa Arab di dalam dan di luar negara termasuk Arab Saudi dan Sudan pada tahun 1980. Pada tahun 1984 kementerian dengan kerjasama *The Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization* (ISESCO) telah menganjurkan beberapa siri kursus dan perkhidmatan bagi guru-guru bahasa Arab. Melalui kursus-kursus tersebut, guru-guru dapat menimba pengalaman baru dalam bidang pendidikan bahasa dengan pendedahan pendekatan komunikasi dalam pengajaran bahasa asing.

Bagi memantapkan lagi pengajaran bahasa Arab, pada tahun 1981 pihak Kementerian Pelajaran Malaysia di bawah pelaksanaan Bahagian Pendidikan Islam (BPI) telah menyediakan dua sukanan pelajaran bagi subjek Bahasa Arab. Sukanan pertama untuk diguna pakai di SMKA dan sukanan yang kedua untuk digunakan di Sekolah-Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan Aliran Harian.

Buku teks bahasa Arab turut diperkemaskan dengan menggunakan pendekatan komunikatif. Usaha ini telah dimulakan pada tahun 1986. Bagi memberi panduan kepada guru-guru, penyediaan buku panduan guru untuk buku teks tersebut telah dimulakan pada tahun 1988. Proses penyediaan buku-buku tersebut diletakkan di bawah pengawasan pakar-pakar bahasa Arab dari ISESCO.

Apabila kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dilaksanakan, kurikulum Bahasa Arab juga turut digubal semula. Sukanan pelajaran ini dilaksanakan di semua SMKA, Kelas Aliran Agama (CAA) dan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) mulai tahun 1991. Kemudian sukanan Bahasa Arab digubal kepada dua sukanan. Pertama, Bahasa Arab Tinggi yang digunakan oleh semua sekolah SMKA. Kedua, Bahasa Arab Komunikasi yang digunakan di sekolah CAA dan SBP. Pada tahun 2000 sekali lagi sukanan pelajaran Bahasa Arab digubal bagi memenuhi keperluan semasa.

Memandangkan keperluan bahasa Arab perlu diajar di peringkat Sekolah Kebangsaan (SK), pihak kerajaan pada tahun 1997 memulakan projek rintis dengan memperkenalkan bahasa Arab di sekolah rendah yang melibatkan 98 buah sekolah kebangsaan seluruh negara. Pelaksanaan bahasa Arab di sekolah kebangsaan secara rasminya dibuat pada tahun 1998. Ia dilaksanakan berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat. Bil 2/96 bertarikh 7 November 1996 yang

menjelaskan bahawa “Majlis bersetuju untuk pengajaran bahasa Arab dilaksanakan di sekolah kebangsaan mulai awal tahun 1998”.

Pakej buku teks bahasa Arab digunakan mulai tahun 1999 dengan menggunakan buku teks, buku latihan dan aktiviti dan panduan guru untuk murid tahun 1, tahun 2 dan tahun 3. Manakala untuk tahun 4, 5 dan 6 pakej buku teks bahasa Arab hanya mengandungi buku teks dan buku panduan guru sahaja.

Susulan daripada kenyataan YAB Perdana Menteri Malaysia dan resolusi Seminar Jawi, al-Qur'a:n, Arab dan Farðu A'in (j-QAF) peringkat kebangsaan, Kementerian Pelajaran mula melaksanakan Program j-QAF di 1,221 buah sekolah kebangsaan pada tahun 2005 kepada murid tahun 1 (Kertas Laporan Penawaran j-QAF Kementerian Pelajaran Malaysia. t.t).

## **2.2 Objektif Pengajaran Bahasa Arab**

Pengajaran bahasa Arab berkembang melalui pelbagai dimensi yang berbeza. Dalam arus perkembangan ini, sudah tentu objektif pengajarannya juga turut menerima perubahan dan perkembangan. Pada peringkat permulaan, objektif pengajarannya berkisar di sekitar memahami Islam dan menunaikan ibadah. Ini jelas dapat dilihat dalam pengajarannya yang hanya untuk memahami Islam dan membolehkan seseorang muslim menunaikan ibadah dan beribadah dengan zikir, doa dan wirid. Begitu juga pengajarannya adalah untuk membolehkan membaca al-Qur'a:n dengan betul.

Ketika ini pengajaran bahasa Arab berjaya mencapai objektifnya dengan baik apabila masyarakat mampu memahami Islam dan menunaikan ibadah dengan baik. Begitu juga, mereka mampu beribadah dengan menggunakan bahasa Arab seperti bersembahyang,

wirid, zikir dan berdoa. Kemahiran mempelajari bahasa Arab jelas dapat dilihat melalui bacaan al-Qur'a:n yang baik walaupun mereka tidak memahaminya. Mereka mampu menyebut makhraj huruf dan bacaan dengan bertajwid.

Objektif pengajaran bahasa Arab turut berkembang dengan perkembangan pengajaran bahasa Arab di pusat-pusat pengajian pondok. Objektif pengajiannya adalah untuk memahami kitab-kitab ilmu Islam. Pelajar-pelajarnya belajar bahasa Arab hanya untuk memahami kitab-kitab *turath* (klasik) Islam. Mereka tidak belajar untuk bercakap atau berkomunikasi. Bahan yang mereka gunakan hanyalah kitab-kitab *turath*. Pengajaran bahasa tertumpu kepada struktur ayat yang terdiri daripada nahu dan şaraf. Pelajar-pelajarnya mampu menganalisis struktur ayat dan membaca dengan betul dari sudut baris dan makna. Mereka mampu memahami kitab-kitab tersebut walaupun mereka tidak belajar di negara Arab.

Begitu juga keluaran daripada institut ini mampu mengasaskan pondok untuk mengajar masyarakat. Bahasa Arab yang mereka miliki terbatas kepada bahasa yang berkisar di sekitar ilmu-ilmu Islam, iaitu bahasa kitab-kitab *turath*. Pengajaran bahasa Arab di pusat-pusat pengajian pondok berjaya mencapai objektifnya dengan melahirkan ramai ulama-ulama yang mampu berinteraksi dengan kitab-kitab *turath*, mampu mengajar kitab-kitab tersebut serta mengasaskan pondok sendiri.

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggariskan beberapa objektif pengajaran bahasa Arab di peringkat sekolah menengah. Ia dibahagikan kepada objektif umum dan khusus. Antara objektif umum ialah (Wiza:rať al-Tarbiyat al-Ma:li:ziyyať, 2003:6) :

1) Membolehkan pelajar menguasai empat kemahiran berbahasa dan mempraktisnya.

Penekanan utama diberikan kepada kemahiran bertutur yang dikira penting antara empat kemahiran tersebut.

2) Membekalkan pelajar dengan penguasaan kosa kata yang banyak serta mempertingkat kemampuan mereka dalam penggunaan bahasa Arab yang betul.

3) Mempertingkat diri mereka dengan nilai-nilai Islam dan akhlak yang mulia.

Antara objektif khusus ialah bagi membolehkan pelajar mencapai perkara-perkara berikut (Wiza:rat al-Tarbiyat al-Ma:li:ziyyat, 2003:6) :

1) Mendengar bacaan ayat al-Qur'a:n dan bacaan ḥadith dengan baik serta memahami maknanya, mengulangi dan berbincang tentangnya.

2) Mendengar berita bahasa Arab serta memahami maknanya dan berbincang tentangnya.

3) Bertutur bahasa Arab dengan baik dalam situasi tertentu.

4) Membaca pelbagai bahan bacaan serta memahami maknanya dan berbincang tentangnya.

5) Menulis dalam pelbagai bidang dan berbincang tentangnya.

6) Menguasai kemahiran menulis khat nasakh mengikut kaedahnya yang betul.

7) Menguasai perkataan baru tidak kurang dari 800 perkataan dan mengunakannya untuk bertutur, membaca dan menulis.

- 8) Menguasai kaedah nahu serta mampu mempraktisnya.
- 9) Menggunakan kamus Arab yang sesuai bagi mempertingkatkan penguasaan kosa kata.
- 10) Membiasakan pelajar bagi menggunakan alat teknologi moden yang berhubung dengan bahasa Arab.

### **2.3     Strategi Pembelajaran**

Pembelajaran bahasa Arab di peringkat sekolah menengah lebih menekankan kepada penguasaan empat kemahiran berbahasa: kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis (Wiza:rat al-Tarbiyat al-Ma:li:ziyyat, 2003) :

#### **1 - Kemahiran Mendengar**

Kemahiran mendengar dikira kemahiran yang terpenting dan merupakan sumber asas bagi pelajar dalam menguasai bahasa. Ini adalah kerana setiap perkara yang didengar oleh pelajar akan menjadi sumber dapatan bahasa yang dipelajarinya. Bagi memanjangkan masa tarikan perhatian pelajar dan meningkatkan kemampuan mendengar, guru mestilah mencipta dan memperkenalkan pelbagai kegiatan mendengar.

#### **2 - Kemahiran Bertutur**

Sepanjang proses pembelajaran bahasa Arab dan kemahirannya, guru hendaklah memperkenalkan kepada pelajar kosa kata Arab dan susunan ayatnya yang baik sebelum meminta pelajar mengunakannya.

Sebutan terhadap perkataan Arab merupakan contoh kepada pelajar untuk mempraktiskannya. Memandangkan kemahiran bertutur menjadi prasyarat dalam berkomunikasi antara guru dan murid, guru hendaklah menggunakan segala kemudahan berbahasa yang ada bagi menerangkan keperluan berbahasa kepada pelajar dalam menggunakan bahasa yang dipelajari.

Dari sudut yang lain pula guru-guru hendaklah memberi ruang dan peluang kepada pelajar menggunakan bahasa yang mereka sentiasa perolehinya, iaitu dengan memberi latihan secara lisan. Bagitu juga guru-guru hendaklah memberi peluang kepada mereka untuk menggunakan bahasa Arab dengan seluasnya.

### 3 - Kemahiran Membaca

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa, guru-guru bahasa hendaklah sentiasa memperkenalkan kepada pelajar perkataan-perkataan baru dan juga ayat-ayat yang ringkas. Kemudian meminta mereka membacanya sehingga mereka mampu mengetahui makna perkataan dan ayat yang dipelajarinya. Terdapat pelbagai kaedah dalam pengajaran kemahiran ini yang dapat membantu pelajar untuk menguasai kosa kata dan ayat yang dipelajarinya. Antaranya ialah kaedah lihat dan baca, baca dan suaikan, baca dan cari, baca dan lakonkan dan sebagainya.

Di samping itu juga guru hendaklah melatih pelajar membaca teks secara senyap sehinggalah mereka dapat membiasakan diri dengannya. Rahsianya ialah untuk membiasakan diri mereka dengan bacaan cepat yang merupakan matlamat daripada kemahiran membaca.

#### 4 - Kemahiran Menulis

Sewajarnya bagi pelajar di peringkat permulaan membiasakan diri dengan menulis perkataan dan ayat yang dipelajari dalam kemahiran-kemahiran di atas serta memperbanyakkan latihan menulis dengan betul.

Digalakkan kepada pelajar di peringkat ini menyalin perkataan dan ayat yang mereka baca dan dengar. Sebaiknya perkataan dan ayat tersebut diambil daripada kemahiran lain yang dipelajarinya.

Antara kaedah yang dicadangkan kepada guru dalam proses pengajaran kemahiran menulis ini ialah salin kemudian baca, sempurnakan kemudian baca, suaikan kemudian baca, letakkan tanda bacaan kemudian baca, bariskan kemudian baca dan sebagainya.

## 2.4 Kandungan Sukatan

Dari sudut kandungan sukatannya, ia mengandungi lima komponan besar seperti dibawah: (Wiza:rat al-Tarbiyat al-Ma:li:ziyyat, 2003:7)

Kemahiran bahasa	Empat kemahiran bahasa yang terdiri daripada kemahiran mendengar, bercakap, membaca dan menulis. Kemahiran tersebut mempunyai hubungan yang rapat dalam proses pembelajaran bahasa.
Fonetik	Sistem suara yang merupakan teras dalam pengajaran bahasa untuk belajar cara menyebut, bercakap dan membaca. Ia penting untuk menyebut perkataan dan ungkapan dengan betul dan mempraktikkannya dalam semua situasi
Kaedah bahasa	Kaedah bahasa yang menjadi asas kepada penggunaan bahasa yang betul. Pengajarannya hendaklah bersistem bagi menjamin penggunaan bahasa yang betul. Kaedah ini mengandungi ilmu saraf dan nahu serta mengambil kira cara sebutan perkataan dari sudut tekanan dan rentak nada. Daripada kaedah ini pelajar mampu menguasai istilah-istilah nahu dan fungsinya, mengenali definisi nahu dan fungsinya serta mampu membentuk contoh sendiri, menggunakan kaedah tersebut dalam situasi bahasa yang

	<p>pelbagai dan mampu membentuk ayat dengan betul mengikut kaedah nahu ‘amali.</p>
Perumpamaan dan kata-kata hikmah	<p>Perumpamaan dan kata-kata hikmah merupakan sebahagian daripada sudut keindahan bahasa. Pelajar digalakkan untuk memahami ayat-ayat yang mengandungi kata-kata hikmah serta menghafalnya untuk digunakan dalam situasi yang sesuai. Daripada ayat-ayat ini pelajar mampu memperkayakan bahasa mereka dan menyuntik keyakinan dalam menggunakan bahasa.</p>
Kosa kata	<p>Kosa kata merupakan teras dalam pembelajaran bahasa. Pelajar digalakkan mengumpul seberapa banyak kosa kata yang mampu dalam pelbagai situasi.</p>

## **2.5 Pendekatan Pengajaran Bahasa Arab Masa Kini**

Pengajaran bahasa Arab khususnya pendekatan kepada pelajar bukan penutur jati telahpun dibincangkan oleh sarjana-sarjana Arab dengan mendedahkan pendekatan mereka bagi mencapai matlamat. Pelajar bukan penutur jati diumpamakan seperti kanak-kanak yang baru belajar bercakap. Pada peringkat awal mereka mendengar percakapan di sekeliling. Melalui mendengar percakapan ini, mereka cuba untuk menyebut dan bertutur. Pada peringkat permulaan pertuturan, terdapat banyak kesalahan bahasa yang dilakukan baik dari sudut sebutan perkataan mahu pun penggunaan ayat. Selepas mampu bertutur, mereka mula membaca dan menulis.

Pendekatan kanak-kanak ini boleh diterapkan ke dalam pengajaran bahasa asing dengan memberi tumpuan kepada empat kemahiran yang dikuasai oleh kanak-kanak. Bab ini akan membincangkan beberapa pendekatan yang dikemukakan oleh sarjana dalam menjayakan pengajaran bahasa Arab.

Muhammad ‘Aliy al-Khu:li (1986:37) membincangkan beberapa pendekatan untuk pengajaran Bahasa Arab. Beliau menyatakan bahawa pengajaran bahasa Arab melalui fonetik menjadi asas kepada bahasa. Cara sebutan huruf dan perkataan yang betul dapat membantu pelajar untuk menguasai bahasa Arab dengan lebih baik. Turut diperkatakan juga rentak tekanan suara mengikut situasi penggunaan ayat.

Seterusnya beliau membincangkan pengajaran struktur ayat bahasa Arab yang betul. Dalam perbincangan ini beliau mendedahkan pendekatan nahu yang terdiri daripada struktur ayat dan maknanya dengan mengemukakan beberapa contoh latihan yang sesuai untuk diperkenalkan kepada pelajar.

Dalam pendekatan pengajaran bahasa, beliau menekankan pengajaran kosa kata yang menjadi asas kepada bahasa. Kosa kata dan hubungannya dengan makna turut diperjelaskan. Seterusnya beliau mengemukakan bentuk perkataan dan senarai perkataan yang selalu diguna pakai dalam penggunaan harian serta kaedah pemilihan perkataan.

Seterusnya beliau membincangkan pengajaran kemahiran membaca dengan mengemukakan beberapa pendekatan seperti menyebut huruf perkataan, suara bunyi perkataan, suku kata, perkataan, ayat, dan kumpulan ayat. Beliau membahagikan kemahiran membaca kepada beberapa bahagian seperti membaca secara senyap dan nyaring.

Mengajar kemahiran menulis juga dibincangkan oleh beliau dengan mengemukakan beberapa pendekatan seperti persediaan sebelum memulakan penulisan dan kaedah menulis huruf. Turut didedahkan beberapa jenis penulisan seperti menulis tajuk bebas, menulis artikel dan penulisan bebas.

Penilaian kepada kemahiran bahasa turut dibincangkan dengan mengemukakan penilaian kepada fonetik, susunan ayat, kosa kata, sebutan, tulisan, meringkas dan ungkapan. Di akhir bukunya beliau membincangkan penggunaan alat bantu mengajar yang boleh diguna pakai dalam pengajaran bahasa. Antaranya ialah papan hitam, gambar, kad, kaset, VCD dan beberapa peralatan lain yang boleh membantu pelajar dalam menguasai bahasa.

Al-Khu:li juga menyatakan bahawa pengajaran bahasa asing hendaklah dimulai dengan pengajaran mendengar suara atau bunyi perkataan. Iaitu dengan mendengar tempat keluar suara huruf bagi menyebut perkataan dengan betul. Sebutan ini penting bagi

menyebut perkataan dengan betul. Pendengaran yang baik akan dapat membantu penguasaan bahasa yang baik. Tekanan suara sebutan juga dibincangkan bagi membolehkan pelajar membuat perbezaan situasi dalam percakapan.

Bagi memastikan bahasa dapat dikuasai dengan baik, beliau turut menyentuh tentang pengajaran susunan ayat. Susunan ayat yang betul perlu bagi menguasai bahasa yang baik. Nahu ‘amali yang menekankan sudut makna adalah penting bagi membetulkan ayat yang dibina. Nahu juga dapat membantu pelajar untuk memperluaskan bahasa mereka. Dengan kaedah penyusunan ayat yang betul pelajar mampu membentuk ayat dengan baik.

Perkara utama dalam pengajaran bahasa ialah pengajaran kosa kata. Ini dibincangkan oleh beliau dengan memilih perkataan yang sering berulang dalam penggunaan. Pelajar hendaklah didedahkan dengan perkataan-perkataan seperti ini bagi membantu mereka menguasai bahasa dengan baik. Dalam bahagian ini beliau mengemukakan beberapa pendekatan mengajar perkataan seperti berikut :

- a) Guru menyebut perkataan dan pelajar mendengar.
- b) Guru menulis perkataan dengan baris yang lengkap.
- c) Guru memberitahu makna perkataan dengan cara yang sesuai.
- d) Guru menggunakan perkataan dalam bentuk ayat pendek.
- e) Pelajar hendaklah mengulangi ayat-ayat yang dibentuk oleh guru.
- f) Guru hendaklah membimbing pelajar cara menulis perkataan.

- g) Guru hendaklah menulis makna perkataan.
- h) Pelajar hendaklah membaca senarai perkataan yang ditulis.
- i) Pelajar hendaklah menulis perkataan, makna dan ayat dalam buku cacatan mereka.

Husain Rađi: (2000:53) membincangkan pengajaran bahasa Arab hendaklah dimulakan dengan pengajaran kemahiran membaca. Peringkat pendekatan kemahiran membaca turut disentuh dengan dimulai dengan peringkat permulaan bagi mengenal susunan ayat dan analisanya. Seterusnya beliau membincangkan peringkat tinggi. Kemudian beliau membincangkan pendekatan mengajar kemahiran menulis dengan mengemukakan beberapa pendekatan bagi menjayakan kemahiran tersebut, antaranya menulis dengan cara melihat, ajuk, oral dan seterusnya menulis bahan-bahan yang lebih tinggi.

Turut menarik perhatian beliau ialah pendekatan mengajar kaedah bahasa yang terdiri daripada nahu dan şaraf. Beliau mengemukakan pendekatan nahu ‘amali dan kaedahnya. Hasil daripada nahu inilah pelajar dapat menguasai bahasa Arab dengan baik.

Beliau juga turut menyentuh tentang pendekatan mengajar kemahiran bertutur. Beberapa pendekatan dikemukakan seperti ungkapan oral terhadap gambaran yang dilihat, atau apa yang dirasai atau persekitaran. Akhirnya pelajar boleh didedahkan dengan kisah-kisah yang menarik. Beliau turut membincangkan beberapa bahan yang boleh membantu dalam pengajaran bahasa seperti menggunakan gambar dan tayangan vedio.

Muhammad ‘Abdul Ghani al-Maşri (1990:23) membincangkan pengajaran bahasa Arab dengan memfokuskan kepada beberapa kemahiran utama seperti kemahiran

membaca, menulis dan bercakap. Dalam kemahiran membaca beliau membahagikan bacaan kepada bacaan secara senyap, nyaring dan mendengar dengan baik bacaan tersebut. Seterusnya beliau mendedahkan beberapa kaedah mengajar kemahiran membaca bagi peringkat permulaan seperti kaedah membaca susunan ayat, kaedah analisa dan kaedah campuran. Seterusnya beliau turut membincangkan kaedah mengajar kemahiran ini dalam peringkat yang lain.

Turut dibincang juga kaedah kemahiran menulis dengan dimulakan beberapa pendekatan seperti menulis secara pindah, lihat dan mendengar. Dalam kemahiran menulis ini beliau turut memperkatakan tentang bentuk tulisan khat yang diperlukan. Tidak ketinggalan juga beliau turut membincangkan kaedah pengajaran nahu dan şaraf dengan mengemukakan objektif pengajarannya. Nahu ‘amali menjadi fokus perbincangan beliau dengan menekankan beberapa pendekatan seperti kaedah pembentangan yang dapat memberi kefahaman dan ‘amali yang baik kepada pelajar.

Selain daripada itu beliau juga turut membincangkan tentang kemahiran bercakap dengan cara memberi banyak latihan dan penekanan kepada perbualan. Kemahiran ini akan tercapai dengan jayanya jika banyak latihan diberikan kepada pelajar. Turut disentuh dalam pengajaran bahasa beberapa aktiviti bahasa dan bantu mengajar yang boleh melancarkan lagi pengajaran bahasa. Antara aktiviti yang boleh dijalankan bagi menarik perhatian dan minat pelajar iaitu aktiviti nyanyian dan penggunaan filem yang sesuai sebagai bantu mengajar juga turut memberi sumbangan ke arah itu. Aktiviti pelajar di luar kelas turut dibincangkan bagi memberi pendedahan bahasa kepada pelajar.

Naif Maḥmu:d (1987:87) membincangkan pengajaran bahasa Arab dengan memfokuskan kemahiran bacaan dan penulisan. Dalam pengajaran kemahiran membaca

beliau mengemukakan beberapa pendekatan seperti kaedah mengenali suku kata yang terdiri daripadanya perkataan. Dengan mengetahui suku kata ini pelajar akan dapat mengenali perkataan dan seterusnya dapat menyebut bacaan dengan baik. Kaedah ini boleh diterapkan dengan mengajar mengenali huruf dan cara menyebutnya, mengenali bunyi huruf mengikut baris dan mengenali huruf dalam perkataan.

Seterusnya beliau mengemukakan pendekatan fonetik dengan memberi tumpuan kepada bunyi dan sebutan perkataan dengan tepat, mengetahui maknanya serta dapat menulis perkataan tersebut dengan betul. Beliau mengakhiri perbincangan dengan mengutarakan pendekatan analisis dalam mengajar kemahiran membaca. Apa yang dimaksudkan dengan pendekatan ini ialah pelajar berkeupayaan menganalisa bahan bacaan dengan mengenali huruf, perkataan, ayat dan susunannya. Antara kandungan pendekatan ini ialah mengenali perkataan yang terdapat dalam bahan bacaan dan menyebutnya dengan betul serta mengetahui maknanya, kemudian mengenali ayat dan susunannya. Pelajar perlu mengenali bentuk dan jenis ayat yang dibacanya. Mengenali makna ayat yang dibaca hendaklah didedahkan kepada pelajar bagi membantu mereka menguasai kemahiran membaca. Beliau turut menegaskan bahawa pelajar perlu didedahkan dengan kisah-kisah (cerita) dan nyanyian. Kedua-dua pendekatan tersebut perlu dititikberatkan kerana ianya akan meningkatkan lagi kemahiran bacaan mereka.

Perbincangan yang sama juga turut diperkatakan oleh Muhammed Şalaħuddi:n (1977:211). Beliau membincangkan empat kemahiran bahasa yang perlu diajar kepada pelajar di peringkat sekolah. Kemahiran pertama ialah mendengar dan bercakap. Ini bertujuan bagi mendedahkan kepada pelajar kemahiran yang mempunyai dua jaringan. Bahan yang didengar oleh pelajar boleh digunakan untuk percakapan. Beliau

memperkenalkan beberapa pendekatan yang boleh diguna pakai dalam mengajar kemahiran ini seperti menggunakan kisah atau cerita.

Seterusnya beliau menyentuh tentang kemahiran membaca yang boleh menambahkan lagi penguasaan kosa kata kepada pelajar. Beliau turut membincangkan pendekatan yang boleh diaplikasikan dalam proses pembelajaran ini seperti kaedah mengenal huruf dan perkataan, kaedah suara atau fonetik, kaedah suku kata, kaedah perkataan, kaedah ayat, kaedah penggunaan cerita dan akhirnya kaedah campuran yang menggabungkan kesemua pendekatan tersebut.

Turut dibincangkan juga kemahiran menulis, bermula dengan mengenali huruf perkataan kemudian perkataan dan seterusnya ayat. Dalam kemahiran ini, beliau membincangkan pengajaran qawa:‘id . Tujuannya ialah untuk memberi pendedahan kepada pelajar cara menulis ayat dengan betul.

Husni ‘Abdul al Hadi (t.t:128) memfokuskan pengajaran bahasa Arab kepada tiga perkara utama yang terdiri daripada kemahiran membaca, kemahiran menulis dan qawa:‘id nahu. Dalam kemahiran membaca beliau mengemukakan beberapa pendekatan dalam pengajarannya. Pendekatan tersebut ialah pendekatan simbol yang terdiri daripada mengenal huruf perkataan, mengenal bunyi sebutan perkataan dan suku kata perkataan. Pendekatan makna juga dibincangkan dengan mengemukakan perkara yang perlu dalam pelaksanaannya seperti mengenali makna bagi perkataan, mengenali makna bagi ayat dan mengenali makna bagi cerita atau kisah.

Dalam mengajar kemahiran menulis pula beliau membincangkan beberapa pendekatan yang boleh diterapkan seperti pendekatan kaedah menulis ungkapan dengan

menulis ayat pendek. Iaitu menulis beberapa ayat pendek kemudian menghubungkannya dengan ayat penghubung supaya dapat dijadikan ayat yang panjang. Pendekatan menulis bibliografi juga diperkenalkan dengan menulis data-data ringkas kemudian diikuti dengan huraian dan penerangan. Akhirnya beliau membincangkan pendekatan penulisan komprehensif dengan mendedahkan kepada pelajar pelbagai bentuk penulisan dan juga pelbagai tajuk atau tema yang boleh ditulis.

Perbincangan bukunya diakhiri dengan pengajaran qawa:‘id nahu yang lebih berfokus kepada kefahaman dan kemahiran membina ayat. Pengajaran nahu yang dibincangkan ialah pendekatan yang dapat memberi kemahiran kepada pelajar dalam memahami bacaan melalui kaedah nahu dan dapat menulis serta membentuk ayat yang baik dengan menggunakan kaedah nahu yang betul. Beliau membincangkan juga pendekatan membina ayat dan memahami maknanya.

‘Abdul al-‘Alim Ibrahi:m (1994:57) membincangkan beberapa pendekatan untuk pengajaran kemahiran bahasa Arab. Antara kemahiran tersebut ialah kemahiran membaca, menulis, bercakap dan mendengar. Dalam kemahiran membaca beliau membincangkan beberapa pendekatan yang boleh diaplikasikan. Antara pendekatan tersebut ialah pendekatan susunan yang terdiri daripada kaedah menyusun huruf dan suara. Pelajar hendaklah didedahkan dengan huruf-huruf penulisan supaya mereka dapat mengenali huruf-huruf tersebut dan mencantumkannya supaya menjadi perkataan.

Seterusnya pelajar diperkenalkan dengan kaedah mengenali bunyi huruf dan cara menyebutnya. Huruf-huruf tersebut kemudiannya dicantum bagi membentuk perkataan dan menyebutnya dengan betul. Pelajar juga didedahkan dengan kaedah menyebut perkataan yang berhampiran dan berjauhan sebutannya. Proses kaedah ini memerlukan gabungan

terus di antara mengenali huruf dan bunyinya. Huruf yang ditulis mempunyai bunyi mengikut kaedah yang betul. Apabila pelajar dapat menguasai kaedah ini mereka akan dapat membaca dengan betul.

Kaedah analisis juga diperkenalkan dalam mengajar kemahiran membaca. Kaedah ini berbeza daripada kaedah pertama kerana ia bermula dengan perkataan kemudian barulah mengenali huruf. Pelajar hendaklah didedahkan dengan perkataan kemudian barulah menganalisis kandungan perkataan tersebut yang boleh mengeluarkan bunyi bagi setiap huruf dan suku kata. Ia terbahagi kepada kaedah perkataan dan kaedah ayat. Dalam kaedah perkataan pelajar hendaklah melihat kepada perkataan dan menyebutnya dengan betul. Kemudian mereka hendaklah membincangkan kandungan perkataan tersebut yang terdiri daripada huruf. Dengan adanya kaedah ini pelajar akan dapat mengenali perkataan dan sebutannya dengan mudah.

Kaedah ayat pula merupakan perkembangan daripada kaedah perkataan. Asasnya ialah ayat merupakan simbol kepada makna yang dikehendaki. Pelajar perlu diperkenalkan dengan ayat-ayat pendek kemudian beransur-ansur kepada ayat panjang. Bagi beliau pelajar perlu didedahkan dengan kaedah menyusun ayat dengan betul bermula daripada ayat pendek sehingga kepada ayat yang panjang dan lebih panjang. Ini adalah kerana kaedah menyusun ayat amatlah penting dalam penguasaan sesuatu bahasa.

Akhirnya beliau membincangkan kaedah campuran daripada dua kaedah utama di atas. Kaedah ini merupakan gabungan daripada dua kaedah di atas yang memberi penekanan kepada mengenal perkataan kemudian mengenali ayat pendek. Seterusnya menganalisaikan ayat-ayat tersebut mengikut sebutan yang betul.

Dalam kemahiran bercakap pula beliau mengemukakan beberapa pendekatan. Antaranya pelajar perlu didedahkan dengan cerita-cerita yang menarik supaya mereka dapat mengambil dan mengguna pakai ayat-ayat daripada cerita tersebut. Pelajar juga perlu diajar cara bercakap secara bebas tentang apa yang terlintas dalam fikiran mereka supaya tidak ada halangan bagi mereka mengeluarkan ayat.

Muhammad Ka:mil al-Na:qat (1985:121) mengemukakan beberapa pendekatan untuk pengajaran bahasa Arab kepada bukan penutur jati. Beliau memulakan dengan pendekatan mendengar. Kemudian diikuti dengan pendekatan bercakap, membaca dan menulis. Beliau mengakhiri perbincangan dengan pengajaran nahu ‘amali.

Dalam pengajaran untuk menguasai kemahiran mendengar beliau mengemukakan lima perkara utama. Pertama membezakan sebutan dari sudut huruf dan perkataan. Kedua mendapatkan makna secara keseluruhan bagi mesej yang disampaikan. Ketiga mengingati mesej dengan baik. Keempat memahami dan berinteraksi dengan mesej. Kelima berbincang dan melaksanakan mesej.

Dalam kemahiran bertutur pula pelajar perlu didedahkan dengan sebutan yang tepat, perkataan atau kosa kata yang selalu diguna pakai dan kaedah nahu yang betul. Bagi kemahiran membaca, pelajar perlu didedahkan dengan bacaan secara nyaring dan senyap. Mereka dilatih memahami bahan bacaan bermula dengan cara memahami mesej ringkas dan berakhir dengan memahami secara terperinci.

Bagi menguasai kemahiran menulis pula pelajar perlulah menulis huruf perkataan secara pindah terlebih dahulu. Kemudian beransur kepada menulis sesuatu penulisan

dengan cara melihat kemudian menulis. Akhirnya pelajar hendaklah dilatih cara menulis petikan dengan menggunakan ayat sendiri.

Bahagian nahu ‘amali pula, beliau mengemukakan beberapa cara yang boleh dilaksanakan seperti mengajar nahu melalui contoh dan menganalisisnya. Memahami makna ayat melalui kefahaman nahu adalah perlu kepada pelajar. Turut dikemukakan cara-cara membina ayat mengikut kaedah nahu yang betul.

Dalam proses pengajaran bahasa asing khususnya bahasa Arab, empat kemahiran asas bahasa telah dibincangkan oleh sarjana Arab. Ia hendaklah dimulai dengan kemahiran mendengar. Melalui kemahiran mendengar ini mereka boleh mengajuk dan cuba untuk bertutur. Dengan adanya percubaan ini pelajar akan dapat menguasai kemahiran bercakap. Kemudian disusuli dengan kemahiran membaca dan seterusnya kemahiran menulis.

Para sarjana telah membincangkan pendekatan-pendekatan yang sesuai untuk diterapkan dalam proses pengajaran kemahiran di atas. Pendekatan kosa kata dan bina ayat diperkenalkan. Melalui pendekatan ini pelajar mampu menguasai kemahiran bahasa tersebut. Melalui penguasaan kosa kata, pelajar akan dapat mengenali dan menguasai ayat-ayat yang baik dan tersusun dengan kaedah yang betul. Hasil daripada pendekatan ini, pelajar akan dapat menguasai bahasa Arab dengan baik.

## **2.6 Kosa kata**

Kosa kata menurut Kamus Dewan Edisi Baru bermaksud keseluruhan kata dalam sesuatu bahasa dan juga bermaksud perbendaharaan kata (1993:656). Ianya merupakan aset penting dalam mempelajari bahasa asing. Bahasa yang baik bergantung kepada penguasaan kosa kata yang baik. Makna tidak akan terungkap melainkan melalui bahasa yang mengandungi kosa kata. Tahap penguasaan bahasa asing terletak kepada penguasaan kosa kata. Begitu juga percakapan dalam bahasa asing tidak akan dapat dicapai melainkan dengan adanya kosa kata yang mencukupi untuk menerangkan situasi.

Penguasaan kosa kata akan dapat dicapai melalui pengumpulan perkataan yang terdapat dalam ayat. Semata-mata menghimpun perkataan tidak akan dapat membantu untuk bercakap. Kosa kata hendaklah diambil daripada ayat yang menunjukkan makna penggunaannya dan ia selalu digunakan.

Rosni bin Samah (2009 (b):63) membincangkan beberapa pendekatan yang boleh digunakan bagi menggalakkan penguasaan kosa kata. Antaranya ialah memperbanyakkan persoalan dan jawapan supaya pelajar boleh menggunakan setiap masa, mengemukakan pelbagai situasi dialog dan cerita yang berkisar di sekitar kehidupan pelajar, mendedahkan situasi yang berhubung dengan aktiviti kemasyarakatan dan situasi-situasi yang boleh membantu pelajar dalam penggunaan bahasa.

Dalam usaha menguasai kosa kata, pelajar akan menghadapi masalah utama dalam pembelajaran mereka iaitu kesulitan untuk mengingati perkataan dan menggunakan ketika hendak bercakap. Masalah ini sebenarnya dapat diatasi dengan beberapa pendekatan seperti mengumpul perkataan yang mempunyai hubungan terus dengan situasi yang selalu

digunakan oleh pelajar, memberi peluang kepada pelajar untuk sentiasa berlatih dalam menggunakan perkataan-perkataan yang dikuasainya dan sentiasa memberi dan memperingati pelajar dengan perkataan yang dikuasainya secara berkala.

Antara pendekatan yang berkesan dan memudahkan pelajar dalam menguasai kosa kata ialah memperbanyakkan bacaan dan memperluaskan bidang bacaan. Dengan adanya bacaan berkala ini, pelajar sentiasa berhadapan dan bertemu dengan perkataan baru yang terdapat dalam teks bacaannya. Setiap kali membaca, beliau akan bertemu dengan perkataan yang sentiasa ditemuinya dan juga perkataan baru yang tidak pernah ditemuinya sebelum ini. Perkataan yang selalu ditemuinya akan dapat diingati dengan baik manakala perkataan baru pula akan menjad biasa baginya jika bertemu pada masa-masa akan datang. Akhirnya dengan proses bacaan berkala ini, pelajar dapat mengumpul kosa kata dan menguasai bahasa dengan baik.

Begitu juga pelajar hendaklah sentiasa mendengar ayat-ayat yang mudah dan senang difahami. Pendengaran ini juga akan dapat menambahkan lagi kosa kata pelajar. Mendengar berita juga merupakan latihan yang baik bagi menambahkan lagi kosa kata pelajar. Berita yang didengarnya itu mempunyai kosa kata yang hampir sama dengan kosa kata yang digunakan. Dalam proses pendengaran berita tersebut terdapat banyak pengulangan kosa kata yang diucapkan di samping perkataan-perkataan baru yang diperkenalkan. Pelajar akan dapat mengingati kosa kata yang selalu didengarnya dan menguasai kosa kata yang baru. Bagi menambahkan penguasaan kosa kata, pelajar hendaklah mendengar pelbagai bahan. Ini boleh dicapai dengan mendengar siaran Arab atau melalui rakaman.

Penggunaan kamus juga banyak membantu pelajar dalam menguasai kosa kata. Mereka boleh menggunakan pelbagai kamus bahasa seperti kamus Arab-Melayu, Arab-Arab dan juga Arab-Inggeris. Penggunaan kamus ini bergantung kepada kemahiran pelajar. Dengan banyak melihat kamus, pelajar akan dapat menambahkan penguasaan kosa kata khususnya apabila menggunakan kamus Arab-Arab. Perkataan atau kosa kata baru hendaklah dicatat dan digunakan sehari-hari. Ini tidak bermakna pelajar perlu menghafal kamus seluruhnya sebaliknya pelajar hanya perlu menghafal dan mengingati perkataan yang sentiasa ditemui dan diguna pakai sahaja.

## **2.7 Kepentingan Kosa Kata**

Pembelajaran bahasa Arab yang berjaya hendaklah memberi penekanan kepada penguasaan kosa kata yang merupakan elemen utama dan aset penting dalam penguasaan bahasa tersebut. Kosa kata yang diperolehi hendaklah dibentuk menjadi ayat. Pelajar bahasa Arab pada hari ini kurang mampu menguasai bahasa dengan baik disebabkan kurangnya menguasai kosa kata. Ini adalah kerana pembelajaran bahasa Arab tersebut lebih menekankan sudut terjemahan teks serta hanya memusatkan kepada satu pihak sahaja iaitu guru dan kurang interaksi daripada pihak kedua iaitu pelajar.

Bagi meningkatkan penguasaan bahasa Arab dengan baik, pendedahan kosa kata hendaklah diutamakan. Proses pembelajaran hendaklah diberi penekanan kepada pengumpulan kosa kata dalam pelbagai bidang. Guru hendaklah membimbing pelajar dalam aktiviti-aktiviti bahasa bagi meningkatkan penguasaan kosa kata. Ianya dapat dipertingkatkan melalui kepelbagaian pendekatan pembelajaran. Guru tidaklah hanya menterjemah teks bacaan semata-mata tetapi hendaklah melibatkan pelajar bersamanya

bagi mencari perkataan dalam teks bacaan. Dengan adanya interaksi ini pelajar akan dapat berfikir dan menerima pelajaran dengan mudah khususnya dalam menguasai kosa kata.

Menurut Virginia (1983:105) pelajar tidak boleh mengumpul semua perkataan yang terdapat dalam teks bacaan. Mereka hendaklah mengumpul perkataan yang selalu berulang dalam teks bacaan dengan mengenal pasti perkataan yang selalu berulang. Seterusnya perkataan yang kurang dan perkataan yang ganjil. Perkataan yang selalu berulang hendaklah dikumpul dan dihafal bersama ayatnya bagi memudahkan untuk mengingatinya. Kosa kata ini penting bagi membekalkan bahasa.

Tu'i:maṭ (1989:194) membincangkan kepentingan pengajaran kosa kata dengan menegaskan bahawa pengajaran kosa kata dalam pengajaran bahasa merupakan asas utama dan tuntutan keperluan pelajar bahasa kedua. Menguasai kosa kata bermakna pelajar mampu menyebut perkataan dengan makhray yang betul, memahami maknanya dengan tepat mengikut kehendak ayat, mengetahui sumber pecahannya dan terbitannya serta mengetahui kaedah membinanya di dalam ayat lengkap. Perkara yang utama ialah pelajar mampu memilih kosa kata yang tepat untuk makna yang diungkapkannya. Ini tidak bermakna pelajar hanya menghafal kamus dan tidak mampu menggunakan perkataan tersebut dalam membina ayat. Pelajar hendaklah memilih perkataan yang selalu digunakan supaya beliau dapat menggunakannya ketika perlu dengan lebih mudah. Kadar bilangan tertentu tidak menjadi pengukur dalam menguasai kosa kata ini. Perkara yang penting ialah pelajar menguasai kosa kata utama yang sentiasa digunakan dan beliau mampu menggunakan ketika mengungkap tentang sesuatu peristiwa atau situasi.

Seterusnya beliau membincangkan beberapa asas pemilihan kosa kata. Antaranya ialah:

- a) Perkataan yang sentiasa berulang dalam penggunaan.
- b) Perkataan yang boleh digunakan dalam pelbagai bidang.
- c) Perkataan yang senang diperolehi dan diingati.
- d) Perkataan yang selalu atau menjadi kebiasaan dalam penggunaan.
- e) Perkataan yang boleh merangkumi pelbagai bidang kegunaan dan makna yang luas.
- f) Perkataan yang mempunyai kepentingan bidang keperluan pelajar.
- g) Perkataan Arab sejati.

Beliau mengakhiri perbincangannya dengan mengemukakan beberapa cara untuk menerangkan makna pola. Antaranya ialah:

- a) Menjelaskan dengan menunjukkan objek yang memberi maknanya seperti makna pensil hendaklah ditunjukkan pensil.
- b) Menerangkan makna dengan melakonkan perbuatan, seperti makna menutup pintu, guru hendaklah melakukan perbuatan menutup pintu.
- c) Menerangkan makna dengan memainkan peranan makna tersebut, seperti menerangkan makna pesakit, guru hendaklah menunjukkan sebagai pesakit.
- d) Menerang dengan menyebut perkataan yang berlawanan.
- e) Menerang dengan menyebut perkataan yang sama makna.
- f) Menerang dengan menyebut perkataan yang terkandung di dalamnya. Seperti menerangkan makna keluarga dengan menyebut anggota keluarga.
- g) Menerangkan makna dengan membincangkan asal usul perkataan atau pola terbitan.
- h) Menerangkan maksud makna perkataan.
- i) Menerang dengan mengulangi bacaan bagi perkataan yang berulang.
- j) Mencari makna melalui kamus.

- k) Menerangkan makna dengan menterjemahkan makna perkataan dalam bahasa ibunda pelajar.

Al-Na:qat (1985:161) membincangkan kepentingan penguasaan kosa kata di kalangan pelajar asing. Ia merupakan langkah pertama dalam mempelajari bahasa asing. Ini kerana kosa kata merupakan alat yang membawa makna dan kaedah untuk berfikir. Dengan kosa kata ini seseorang mampu berfikir kemudian menterjemahkan pemikirannya kepada ayat-ayat yang memberi makna yang dikehendakinya. Pada kebiasaannya kosa kata dapat dikuasai melalui kemahiran mendengar dan membaca seterusnya melalui kemahiran bercakap dan menulis. Ini menunjukkan bahawa kosa kata hendaklah dipelajari melalui ayat atau ungkapan.

Beliau membincangkan pendekatan untuk menguasai kosa kata dengan dipelajari melalui tema-tema yang selalu digunakan oleh pelajar dalam kehidupan seharian mereka. Terdapat beberapa pengalaman yang boleh digunakan dalam penguasaan kosa kata. Antaranya ialah:

- a) Berinteraksi dalam mengemukakan persoalan dan jawapan.
- b) Mengemukakan pelbagai situasi untuk berdialog dan bercerita sekitar kehidupan pelajar.
- c) Pengalaman kemasyarakatan yang diterapkan dalam kelas seperti perbincangan, menyambut tetamu, berbual, ungkapan penghargaan dan menggunakan peralatan sekolah.

Antara kaedah penerangan makna kosa kata yang diketengahkan ialah:

- a) Menerangkan dengan ayat-ayat yang menjelaskan maknanya.
- b) Menerangkan maknanya dengan melakukan lakonan.
- c) Menerangkan dengan pergerakan anggota.

Penguasaan kosa kata ini merupakan proses berterusan dalam mempelajari bahasa asing. Kosa kata baru hendaklah diperkenalkan kepada pelajar di samping kosa kata yang sedia ada. Dengan penambahan ini pelajar dapat mempertingkatkan penguasaan bahasanya. Beliau mencadangkan beberapa pendekatan dalam meningkatkan penguasaan kosa kata. Antaranya ialah:

- a) Mengemukakan perkataan yang mempunyai hubungan rapat dengan situasi yang selalu diungkap dan dibualkan oleh pelajar.
- b) Memberi peluang untuk mempraktiskan penggunaan kosa kata dalam berkomunikasi.
- c) Cuba mengulangi perkataan dalam jangka masa tertentu yang sistematik supaya pelajar tidak melupainya.
- d) Memperbanyak membaca pelbagai bahan bacaan.
- e) Menganalisis makna perkataan melalui ayat dan rangkap.
- f) Menggunakan pelbagai ungkapan dan kamus.

Hamadah Ibrahi:m (1987:281) membincangkan kepentingan pengajaran kosa kata di peringkat permulaan, pertengahan dan tinggi. Pada pendapat beliau, pengajaran kosa kata hendaklah dimulai pada peringkat permulaan dengan mendedahkan kosa kata yang berkisar di situasi sekeliling pelajar. Guru hendaklah memperbanyakkan sasaran kosa kata dan mengurangkan percakapannya terutama percakapan yang menggunakan kosa kata yang kurang penting. Sebaliknya beliau hendaklah menggunakan kosa kata yang diperlukan sahaja.

Dalam pengajaran kosa kata di peringkat permulaan ini, guru hendaklah memilih kosa kata asas dalam bidang dan situasi di sekeliling pelajar seperti sekolah, rumah, sukan, makanan, keluarga, pakaian dan sebagainya manakala pelajar pula perlulah mendengar

kosa kata tersebut kemudian memahaminya. Kosa kata boleh disampaikan secara bacaan, tulisan, gambar dan juga sebutan. Bertolak daripada kosa kata yang dipelajari, pelajar hendaklah membina ayat yang betul. Bagi mengaktifkan penggunaan kosa kata ini, aktiviti bahasa hendaklah dijalankan di dalam dan di luar kelas.

Dalam pengajaran kosa kata untuk peringkat pertengahan pula, pelajar wajib mempelajari semua pola terbitan daripada pola asal dan makna serta kegunaannya di dalam ayat. Mereka hendaklah sentiasa menggunakan pola-pola tersebut dalam perbincangan dan dialog harian. Mereka boleh menguasainya melalui menonton pelbagai filem Arab, membaca pelbagai bahan seperti surat khabar dan majalah. Untuk menggunakan kosa kata yang diperolehi mereka boleh membentuk pelbagai ayat melalui lakonan.

Untuk peringkat tinggi pula, pelajar hendaklah membaca pelbagai bahan bacaan moden dalam bahasa Arab. Di peringkat permulaan bacaan, mereka hendaklah memilih bahan bacaan ringan dan mudah difahami supaya tidak menyukarkan kefahaman, mereka boleh memilih buku-buku yang ditulis oleh tokoh-tokoh atau penulis semasa.

Dalam peringkat lanjutan pula, pengajaran kosa kata boleh dijalankan melalui pendekatan analisis teks dengan membincangkan makna ayat dan kepelbagaiannya susunannya. Begitu juga mereka perlu mengetahui kaedah membina ayat dan perubahan pola kosa kata mengikut kehendak makna. Mereka hendaklah menganalisis sendiri dengan dibantu oleh guru dan mengetahui perubahan makna mengikut kehendak teks.

Menurut Haznah Hamzah (1999) dalam kajiannya ‘Penguasaan Perbendaharaan Kata Bahasa Malaysia’, pelajar luar bandar mempunyai keupayaan yang terhad dalam menulis karangan dan karangan yang dihasilkan mempunyai kualiti yang rendah

berdasarkan umur berbanding dengan pelajar yang tinggal di bandar. Fenomena ini berlaku adalah disebabkan oleh masalah penguasaan kosa kata bahasa tersebut. Bukan hanya pelajar sekolah bahkan masyarakat dewasa sekalipun tidak akan mampu membina karangan yang berkualiti dan penulisan yang baik selagimana masalah penguasaan kosa kata tidak diatasi.

Dalam kajian yang lain, Mohamad Nasir Omar (1996) turut menyentuh dalam kajiannya yang bertajuk ‘Pengajaran Bahasa Arab Kepada Pelajar-Pelajar Peringkat Permulaan Di Pusat Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia’ mengenai kepentingan menguasai kosa kata Arab dalam pengajaran bahasa Arab. Bagi beliau jenis perkataan yang perlu diberi keutamaan kepada seseorang penutur ialah perkataan yang sering diguna pakai dalam pertuturan sehariannya kerana perkataan ini akan membantu para pelajar mengusai kosa kata mengikut tahap dan kepentingan masa.

Menurut Hawai Haskanbancha (1995) dalam kajiannya mengenai ‘Pengajaran Pertuturan Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Thailand’ bahawa penekanan tentang pentingnya pengajaran kosa kata dan melatih para pelajar untuk mengungkap ke dalam ayat yang lebih komplek harus diberi keutamaan. Ini adalah kerana kosa kata merupakan faktor penting yang mempengaruhi keupayaan para pelajar dalam pertuturan mereka.

Kepentingan kosa kata ini diperjelaskan lagi oleh ‘Arif Karkhi Abu: Khuḍairi (1994:170) dalam bukunya yang berjudul “ Ta‘li:m al-Lughat al-‘Arabiyyat Li Ghairi al-‘Arab: Dirasa:t Fi al-Manhaj Wa Turuq al-Tadri:s ” (Pengajaran Bahasa Arab Bagi Penutur Bukan Arab Kajian Metod Dan Kaedah Pengajaran). Beliau menyentuh mengenai pengajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah Arab di negara Brunei Darussalam dan telah membuat kajian pengajaran bahasa Arab dalam kalangan penutur Melayu di sekolah-sekolah tersebut. Beliau merumuskan bahawa perlunya kepada teknik baru dan moden bagi

mengajar bahasa Arab kepada penutur bukan Arab (1994:170). Dalam huraiannya mengenai kemahiran membaca penulis telah menekankan tentang perihal pentingnya kemahiran ini kerana ia akan membantu mereka yang mempelajari bahasa Arab memperkayakan kosa kata. Penulis memberi cadangan supaya perkataan-perkataan penting dalam situasi tertentu perlu disenaraikan supaya ia memudahkan pelajar dalam memperkayakan kosa kata. Selain itu beliau juga mencadangkan agar perkataan-perkataan Arab yang digunakan pakai di dalam bahasa Melayu perlu dititik beratkan kerana perkataan-perkataan tersebut akan membantu pelajar dalam pembacaan dan pertuturan mereka dalam mempelajari bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua, sebagai contoh perkataan baki, kuliah, alamat dan sebagainya.

## **2.8 Asas Pemilihan Kosa Kata**

Pembelajaran bahasa Arab hendaklah memberi penumpuan kepada kosa kata yang boleh meningkat dan memperluaskan bahasa pelajar. Kosa kata hendaklah dikumpul dan dibekalkan kepada pelajar. ‘Abdul Rahma:n Cik (1994:109) menjelaskan bahawa pengumpulan kosa kata akan dapat dilaksanakan melalui beberapa pendekatan berikut yang perlu ada pada setiap kosa kata:

### **2.8.1 Kekerapan**

Apa yang dimaksudkan dengan pendekatan ini ialah perkataan yang banyak berulang penggunaannya dalam sesuatu teks atau petikan. Ini menunjukkan bahawa perkataan yang banyak berulang itu lebih berkesan digunakan dalam pengajaran bahasa kerana ia dapat digunakan dalam pelbagai situasi. Pengajaran hendaklah memberi tumpuan kepada pengumpulan kosa kata yang mempunyai ciri-ciri tersebut dan memilihnya sebagai bekalan kepada pelajar. Pendekatan pemilihan ini boleh dilaksanakan dalam pengajaran

dengan cara memilih kosa kata yang banyak berulang dalam teks dan dikeluarkan untuk dikuasai oleh pelajar. Kosa kata tersebut akan dapat menambah penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar khususnya apabila ia terdapat dalam setiap bahan bacaan.

### **2.8.2 Bidang Penggunaan**

Pendekatan ini bermaksud memilih perkataan yang banyak berulang dalam pelbagai bidang. Ia bukan sahaja banyak berulang dalam bidangnya sahaja bahkan digunakan dalam pelbagai bidang dengan membawa makna yang berbeza. Perkataan seperti ini akan dapat membantu pelajar menguasai bahasa dengan lebih cepat dan efektif. Untuk mengumpul perkataan seperti ini bahan dan teks pengajaran hendaklah dipelbagaikan supaya dapat merangkumi pelbagai bidang. Pemilihan juga hendaklah mengikut tahap bahasa pelajar. Rosni bin Samah (2009 (b):65) menyatakan bahawa proses pembelajaran hendaklah memilih sesuatu perkataan yang banyak berulang dalam pelbagai situasi dengan makna yang berbeza seperti perkataan:

PERKATAAN	MAKNA
	Melayari
	Bersiar-siar
	Meninjau

Pendekatan kedua ini penting bagi menyempurnakan pendekatan pertama yang perlu ada pada kosa kata yang hendak didedahkan kepada pelajar. Penekanan kepada

kedua-dua pendekatan ini akan dapat memperkayakan perbendaharaan kata dalam kalangan pelajar.

### **2.8.3 Ketersediaan**

Pendekatan ini digunakan bagi memilih perkataan-perkataan yang dapat membantu pelajar untuk mengungkapkannya dalam situasi yang dikehendaki dengan lebih selesa. Perkataan tersebut tidak menjadi kesukaran kepada relajar untuk mengungkapkannya. Ia boleh diungkap secara spontan dalam situasi yang dikehendakinya. Perkataan-perkataan seperti ini mempunyai hubungan rapat dengan situasi persekitaran pelajar dari sudut budaya dan kemasyarakatan seperti perkataan-perkataan yang berkisar di sekitar persekolahan dan kehidupan pelajar. Perkataan yang sentiasa digunakan dalam kehidupan seharian lebih membantu pelajar untuk mudah mengingati dan mengungkapkannya bila diperlukan. Bagi mendapatkan kosa kata seperti ini, teks yang digunakan dalam pembelajaran hendaklah tidak asing kepada pelajar dan boleh mencerminkan situasi persekitaran mereka.

### **2.8.4 Kesesuaian Pengajaran**

Ini bermaksud perkataan yang mudah dipelajari oleh pelajar, iaitu perkataan yang tidak menyulitkan pelajar khususnya dari sudut sebutan, makna dan mudah untuk mengingatinya. Perkataan yang mempunyai tiga sifat ini akan dapat membantu pelajar untuk menguasai bahasa dengan lebih efektif lagi. Perkataan yang mempunyai suku kata yang sedikit lebih mudah kepada pelajar menyebutnya berbanding perkataan yang mempunyai suku kata yang banyak. Menyebut perkataan adalah penting dalam proses pengajaran kerana dengan sebutan ini pelajar akan dapat menggunakaninya dalam situasi

yang dikehendakinya. Makna juga menjadi faktor utama dalam menguasai bahasa. Tanpa makna bahasa tidak akan tercapai. Perkataan yang mempunyai makna jelas dan mudah akan dapat membantu pelajar untuk menguasai dan menggunakanannya. Antara perkataan ini ialah perkataan yang kebiasaan didengar oleh pelajar.

Bertolak daripada empat pendekatan yang perlu ada pada setiap kosa kata yang dikumpul, menunjukkan pembelajaran hendaklah memberi tumpuan kepada perkataan-perkataan yang mempunyai ciri-ciri tersebut bagi meningkatkan pencapaian bahasa dalam kalangan pelajar.

## **2.9 Aktiviti Penguasaan Kosa Kata**

Penguasaan kosa kata tidak akan dapat dicapai dengan hanya semata-mata pelajar berada dan hadir dalam kelas. Ia memerlukan usaha dan aktiviti yang boleh memberi input yang baik. Pelajar yang berusaha akan dapat menambah bilangan kosa kata. Pada peringkat permulaan guru hendaklah membimbing pelajar untuk memilih perkataan yang biasa diguna dan selalu berulang dalam teks. Perkataan tersebut hendaklah dihafal bagi memperkayakan kosa kata yang perlu dicapai. Rosni bin Samah (2009 (b):67) membincangkan beberapa aktiviti yang boleh digunakan bagi menguasai kosa kata yang dikehendaki. Antara aktiviti yang boleh diterapkan ialah:

### **2.9.1 Pendengaran**

Aktiviti mendengar dapat membantu pembelajaran bahasa bagi meningkatkan penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar. Di peringkat permulaan, pelajar menghadapi masalah dalam mendengar perkataan yang dituturkan disebabkan terdapat banyak perkataan yang tidak difahaminya. Masalah ini akan dapat diatasi dengan adanya usaha

untuk menguasai setiap perkataan yang didengarinya dan memperbanyak aktiviti mendengar serta mempelbagaikan bahannya. Bantuan guru perlu bagi mengatasi masalah ini (I.S.P. Nation, 1990: 90).

Pelajar boleh memilih pelbagai bahan yang sesuai untuknya (Zakariyya Isma‘i:l, 1995:104) seperti melayari internet dan mendengar program. Begitu juga pelajar boleh mendengar melalui siaran Astro dengan memilih program yang ringkas dan digemari. Di samping itu juga pelajar boleh mendengar melalui rakaman-rakaman kaset atau CD terpilih.

Dari sudut bahan pengisiannya, pelajar hendaklah didedahkan dengan pelbagai rancangan supaya dapat diperluaskan jaringan dan tidak membosankan. Di peringkat permulaan, pelajar hendaklah mendengar rancangan-rancangan ringkas dan sentiasa mengikutinya seperti berita ringkas, rencana, ramalan keadaan cuaca, berita sukan, susunan rancangan dan sebagainya.

Selepas pelajar dapat menguasai pendengaran bahan-bahan yang ringkas, guru hendaklah menyediakan bahan-bahan yang lebih tinggi dan luas bidangnya. Dengan adanya aktiviti mendengar yang tersusun seseorang pelajar akan dapat menguasai kosa kata dengan baik, cepat dan efektif di samping menguasai cara menyebut huruf, perkataan yang bersambung, nada sebutan dan seumpamanya.

### **2.9.2 Bacaan**

Melalui bacaan pelbagai bahan pelajar akan dapat mengumpul seberapa banyak perkataan baru yang ditemuinya. Bahan bacaan hendaklah dipelbagaikan bermula dari bahan-bahan yang ringkas dan mudah difahami. Kemudian beransur-ansur kepada bahan-

bahan yang lebih luas dan besar. Tahap dan gaya bahasa berbeza dengan perbezaan bahan bacaan. Bahan yang tinggi dan luas dapat menyumbang kepada penguasaan bahasa yang baik (Ahmad Muhammad, 1996:124). Antara bahan-bahan bacaan ialah surat khabar harian, majalah, iklan, pemplet, buku-buku kecil dan seumpamanya.

Di peringkat permulaan pelajar hendaklah didedahkan dengan membaca tajuk-tajuk utama atau berita-berita ringkas. Begitu juga pelajar boleh memilih ruangan yang pendek dan ringkas seperti berita suhu, rancangan radio dan tv dan seumpamanya. Melalui pelbagai bahan bacaan pelajar akan dapat menguasai kosa kata dalam pelbagai bidang dan laras. Ini kerana bahan-bahan tersebut mengandungi berbagai-bagai bidang dan ruangan seperti berita dalam atau luar negara, berita ekonomi, politik, sukan, hiburan fesyen, kereta, iklan, masakan, seni dan seumpamanya. Dari pada kepelbagaian ruang dan bidang inilah pelajar dapat mengumpul kosa kata dalam berbagai-bagai laras bahasa.

Semasa membaca pelajar hendaklah peka terhadap perkataan-perkataan yang mempunyai ciri-ciri di atas. Tidak semua perkataan perlu diambil dan dihafal. Perkara penting kepada pelajar ialah memilih perkataan yang sentiasa berulang dalam setiap bacaan.

### **2.9.3 Kamus**

Proses pembelajaran dengan menggunakan pelbagai kamus bahasa dapat membantu pelajar menguasai kosa kata dengan baik. Pelajar perlu mencatat dan menghafal perkataan yang ditemuinya. Pelajar tidak akan memahami makna perkataan baru yang ditemuinya tanpa melihat kamus. Guru berperanan dalam membimbing pelajar menggunakan kamus dan menterjemahkan makna mengikut kehendak ayat.

Kamus hendaklah dipelbagaikan dan tidak hanya sekadar bergantung kepada sebuah kamus sahaja bagi menambah kepelbagaian pengetahuan tentang makna perkataan yang dicari. Pelajar boleh menggunakan kamus Arab – Melayu sebagai asas utama atau kamus Arab – Ingeris dan kamus Arab – Arab. Di samping itu terdapat juga kamus-kamus yang disusun khusus dalam bidang-bidang tertentu seperti kamus ekonomi, kamus undang-undang, kamus sains, kamus fekah dan sebagainya. Ia dapat membantu pelajar menguasai kosa kata dalam laras bahasanya.

Bagi menguasai bahasa Arab dengan baik setiap pelajar hendaklah memiliki kamus sendiri. Tanpa kamus pelajar akan menghadapi kesulitan dalam penguasaan kosa kata. Begitu juga pelajar hendaklah membawa kamus persendirian ke dalam kelas. Guru hendaklah meminta pelajar mencari makna sendiri bagi membantu mereka dalam memahami bahan bacaannya.

#### **2.9.4 Interaksi**

Interaksi dengan menggunakan bahasa Arab dalam pergaulan seharian, pertanyaan, perbincangan dalam kelas dan sebagainya banyak menyumbang kepada penguasaan kosa kata. Operasi pembelajaran dengan menggunakan bahasa Arab dapat membantu penguasaan pelajar. Begitu juga kelas yang berinteraksi dalam bahasa Arab dari dua hala iaitu guru dan pelajar lebih membantu dalam penguasaan bahasa Arab.

Dengan adanya interaksi tersebut pelajar akan bertemu dengan perkataan baru yang digunakan oleh orang lain. Perkataan tersebut merupakan bahan baru yang perlu dikuasai oleh pelajar. Penambahan kosa kata akan bertambah melalui interaksi. Ini kerana interaksi sedemikian akan mendedahkan kepada pelajar kosa kata yang baru. Tambahan lagi kosa kata yang ditemui dalam interaksi merupakan kosa kata yang selalu digunakan dalam penggunaan bahasa, khususnya apabila berinteraksi dengan orang yang tahap bahasanya lebih tinggi daripada tahap yang dikuasai oleh pelajar. Interaksi ini juga dapat memberi peluang kepada pelajar untuk menggunakan perkataan yang sedia ada bagi mempertingkatkan lagi kemahiran bahasanya. Di peringkat permulaan guru hendaklah berinteraksi dengan pelajar menggunakan bahasa Arab bagi menggalakkan pelajar berinteraksi sesama mereka.

Empat aktiviti yang diutarakan di atas merupakan antara cara-cara yang efektif dan mudah dilaksanakan oleh pelajar. Tidak terbatas kepada aktiviti di atas sahaja sebaliknya setiap aktiviti yang boleh membantu pelajar untuk menguasai kosa kata boleh dilaksanakan (Mustafa Nasef, 1990).

## 2.10 Pembinaan Ayat

Proses pembelajaran bahasa tidak semata-mata berpusat kepada pengumpulan kosa kata sahaja, tetapi hendaklah didedahkan dengan gaya penyusunan dan pembinaan ayat yang lengkap. Dengan kosa kata pelajar tidak mampu untuk berkomunikasi. Mereka hanya mampu membaca ayat yang sedia ada dalam teks. Dalam pembinaan ayat pelajar perlulah didedahkan dengan kaedah membina ayat yang ringkas supaya mereka dapat membentuk ayat dengan baik (Rosni Samah. 2009 (b):74). Ayat dalam bahasa Arab terbahagi kepada dua kumpulan besar. Pertama ayat yang dimulakan dengan kata kerja dan kedua ayat yang dimulakan dengan kata nama. Pelajar hendaklah didedahkan dengan kaedah membina ayat yang betul supaya ayat yang dibentuknya itu tepat dan memenuhi kriteria ayat yang sepatutnya.

Kaedah membina ayat kata kerja hendaklah dimulai dengan perkataan kata kerja kemudian diikuti dengan kata nama yang melakukan perbuatan tersebut. Contohnya:

+

kata nama      +      kata kerja

Pelajar boleh menambah perkataan-perkataan lain yang sesuai bagi memanjangkan ayat tersebut. Dalam pembinaan ayat, cara piramid boleh digunakan. Ia bermula dengan ayat kecil kemudian dilebarkan dengan penambahan perkataan yang sesuai.

Contohnya:

+

+        +

Bagi membina ayat kata nama pula, pelajar hendaklah memilih kata nama untuk dijadikan subjek. Kemudian mencari perkataan untuk dijadikan predikat. Dua perkataan subjek ('mubtada') dan predikat ('khabar') ini akan menggambarkan makna yang sempurna. Ayat ini juga boleh dibina mengikut kaedah piramid.

Contohnya:

predikat/khabar +        subjek/mubtada'

+

+

Daripada susunan asas ayat ini, pelajar mampu membina ayat yang lebih luas dan besar. Perkara yang penting dalam membina ayat ini ialah kosa kata yang boleh disusun untuk menjadi ayat dan boleh diperkembangkan.

Dengan adanya kemahiran membina ayat ini pelajar mampu bertutur dengan baik. Pertuturan ini bermula dengan membina ayat ringkas dan pendek. Kemahiran ini boleh ditingkatkan dengan menyambung ayat supaya dapat dilebarkan. Dengan kemampuan membentuk ayat pendek dan ayat panjang pelajar mampu bertutur dengan baik bagi menjelas mesej yang berada dalam pemikirannya. Kemahiran membina ayat ini dapat membantu pelajar bertutur dengan baik.

Berdasarkan kepada beberapa kajian yang telah dibincangkan, jelas menunjukkan bahawa pengajaran bahasa asing hendaklah dimulakan dengan pengajaran kosa kata. Kepentingan kosa kata merupakan keutamaan dalam penguasaan bahasa. Para sarjana telah mendedahkan beberapa pendekatan dalam pengajaran kosa kata. Mereka juga turut menjelaskan bahawa penguasaan kosa kata semata-mata tidak akan memadai tanpa digabungkan dengan kemahiran membina ayat. Pelajar yang mampu membina ayat berdasarkan kosa kata yang dipelajari akan mampu menguasai bahasa dengan baik. Berdasarkan kesimpulan kajian yang diteliti, penyelidik cuba mengenal pasti pendekatan pengajaran kosa kata yang diamalkan oleh guru-guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur (SMKAKL) untuk dijadikan panduan dalam pengajaran bahasa Arab.

## **2.11 Penutup**

Bab ini mengemukakan pendekatan pengajaran bahasa Arab yang menekankan empat kemahiran bahasa. Ia bermula dengan kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Para sarjana bahasa Arab mengemukakan beberapa pendekatan bagi menjayakan pendekatan tersebut. Asas utama dalam menjayakan pendekatan tersebut ialah penguasaan kosa kata dalam bahasa sasaran. Penguasaan kosa kata tersebut mempunyai pendekatan tertentu dalam pengajaran dan pembelajarannya. Guru hendaklah memulakan dengan memilih kosa kata yang mempunyai ciri-ciri yang telah dibincangkan bagi memudahkan pelajar menguasainya. Penguasaan kosa kata yang baik dapat menghasilkan kemahiran bahasa yang dipelajari.